

16/11/2001

MIC sambut baik jaminan pengiktirafan politik

TAPAH, Khamis - MIC menyambut baik jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa masyarakat India tetap diberi pengiktirafan politik di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) walaupun jumlah masyarakat itu semakin menurun.

Naib Presiden MIC, Datuk S Veerasingham, berkata pengumuman itu membuktikan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diketuai Umno amat prihatin dan mementingkan perpaduan di kalangan parti komponen.

Beliau berkata, masyarakat India di negara ini mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi jaminan itu.

"Jaminan itu membuktikan kerajaan BN yang diketuai Umno prihatin dan mementingkan perpaduan di kalangan parti komponennya," katanya selepas menyampaikan sumbangan Hari Deepavali di Hospital Tapah di sini.

Beliau berkata, kadar penurunan kelahiran di kalangan masyarakat India berlaku berikutan taraf hidup mereka yang lebih baik pada masa ini.

Ahad lalu, Dr Mahathir berkata, penduduk kaum Cina dan India akan tetap diberikan pengiktirafan politik oleh BN walaupun jumlah mereka menyusut sedikit.

Perdana Menteri berkata, parti komponen BN tidak perlu bimbang kerana perikatan itu tidak mengamalkan diskriminasi terhadap bukan Melayu, berbeza daripada apa yang dilaksanakan oleh parti pembangkang.

Sebelum ini, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu mengingatkan masyarakat India mereka akan hilang suara politik dan hak di negara ini jika populasi kaum itu terus merosot.

Beliau berkata, masyarakat India perlu sedar populasi golongan itu mencatat penurunan 7.7 peratus berdasarkan laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000 dan ia dijangka terus menurun kepada lima peratus dalam tempoh 20 tahun.

Dalam tempoh 40 tahun pula dianggarkan penurunan sebanyak satu atau dua peratus dicatatkan berikutan kaum India gagal menyaingi pertumbuhan kelahiran bayi kaum Bumiputera.

Sementara itu, Veerasingham yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, berkata semua pusat asuhan kanak-kanak di negara ini diingatkan tidak memperlakukan kanak-kanak untuk mencari pengaruh politik.

Beliau berkata, pusat terbabit seharusnya menumpukan ke arah pendidikan khususnya mengenai pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta sikap berdaya saing kepada murid.

"Mereka seharusnya menanam semangat patriotik dan tidak hanya menghormati pemimpin satu-satu pertubuhan politik saja.

"Jika mereka diasuh dengan cara demikian negara akan mengalami budaya yang bakal meruntuhkan keamanan serta kesejahteraan sekali gus menggagalkan hasrat negara maju pada 2020," katanya.

(END)